

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran-yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat prihatin dan mengambil berat terhadap keperluan para pelajar IPT untuk menjelaskan yuran pengajian mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, pelajar di universiti awam (UA) hanya membayar dua hingga sepuluh peratus sahaja daripada kos sebenar program akademik manakala 90 hingga 98 peratus kos yuran pengajian dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan. Sebagai contoh, purata yuran bagi pengajian Sarjana Muda Perubatan di UA yang perlu dibayar oleh pelajar adalah sebanyak RM10,046.00, iaitu bersamaan dengan dua peratus daripada kos sebenar pengajian yang berjumlah RM451,929.00, manakala bakinya, sebanyak RM441,883.00 dibiayai melalui subsidi Kerajaan.

Suka saya maklumkan di sini bahawa KPT telah membuat rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mengurangkan bebanan kewangan pelajar. Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama, perkhidmatan dan aktiviti sehingga lima belas peratus setelah mengambil kira keupayaan kewangan Kerajaan dan UA.

Pengurangan yuran tersebut adalah bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk pelajar warganegara Malaysia. Pengurangan yuran ini melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta yang mana RM20 juta merupakan peruntukan tambahan Kerajaan dan RM52 juta menggunakan sumber dalaman UA. Seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan ini. Langkah yang sama juga telah diteruskan bagi pengajian Semester 1 Sesi 2020/2021.

Sekian, terima kasih.